



Penguasaan Kemahiran Tulisan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Disleksia

Mastery of Malay Writing Skills Among Dyslexia Students

Monisha Divagaran* & Vijayaletchumy Subramaniam

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Malaysia

¹*Corresponding author: divagaranmonisha24102000@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.5.2025>

Abstract

Dyslexic students have problems in the field of language. Language proficiency among dyslexic students is very low. This causes dyslexic students to have confusion in recognizing letters. This causes dyslexic students to be unable to write letters accurately. The objective of this study is to identify the problems faced by dyslexic students in writing skills. Writing skills in this study only focus on uppercase letters, lowercase letters, vowels and syllables. A qualitative approach involving testing methods has been applied in this study. The researcher used Levison's Theory (1994) in this study. The researcher used purposive sampling by selecting middle class dyslexic students. A control group consisting of 8 dyslexic students. A writing test instrument was used to find out the level of achievement of dyslexic students in writing skills. The test results found that 6 dyslexic students faced lowercase letter identification problems, uppercase letter identification problems, vowel problems and KV syllable problems. The findings of this study allow specially educated teachers to use writing techniques in teaching. Additionally, parents can identify dyslexic problems so that students do not miss out on the learning process. Next, dyslexic students can learn in happy conditions. Society can be of great confidence to help dyslexic children in addressing problems in the early stages. This clearly shows that dyslexic students have problems in Malay writing skills. The problems faced by dyslexic students in writing are capital letters, small letters, syllables and vowels.

Keywords: dyslexia, Malay language, writing literacy skills, writing problems

Abstrak

Murid disleksia mempunyai masalah dalam bidang bahasa. Penguasaan bahasa dalam kalangan murid disleksia amat rendah. Hal ini menyebabkan, murid disleksia mempunyai kekeliruan dalam mengenali huruf. Ini menyebabkan murid disleksia tidak dapat menulis huruf dengan tepat. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid disleksia dalam kemahiran tulisan. Kemahiran tulisan dalam kajian ini hanya memfokuskan dalam huruf besar, huruf kecil, vokal dan suku kata. Pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah pengujian telah diaplikasikan dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan Teori Levison (1994) dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan persampelan bertujuan dengan memilih murid disleksia kelas pertengahan. Kumpulan kawalan yang terdiri daripada 8 orang murid disleksia. Instrumen ujian tulisan digunakan untuk mengetahui tahap pencapaian murid disleksia dalam kemahiran tulisan. Hasil ujian mendapati bahawa 6 murid disleksia menghadapi masalah pengenalan huruf kecil, masalah pengenalan huruf besar, masalah vokal dan masalah suku kata KV. Hasil dapatan kajian ini membolehkan guru berpendidikan khas dapat menggunakan teknik-teknik tulisan dalam pengajaran. Selain itu, ibu bapa dapat mengenal pasti masalah disleksia supaya murid tidak ketinggalan dalam proses pembelajaran. Murid disleksia dapat belajar dalam keadaan yang gembira. Masyarakat dapat keyakinan yang tinggi untuk memberi pertolongan kepada kanak-kanak disleksia dalam mengatasi masalah pada peringkat awal. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa murid-murid disleksia mempunyai masalah dalam kemahiran menulis bahasa Melayu. Masalah yang dihadapi oleh murid disleksia dalam tulisan ialah huruf besar, huruf kecil, suku kata dan vokal.



Kata Kunci: bahasa Melayu, disleksia, kemahiran literasi menulis, masalah tulisan

Pengenalan

Disleksia bukan satu penyakit yang serius tetapi mengalami gangguan saraf di dalam otak. Menurut Persatuan Disleksia Antarabangsa (2024), tiada ubat untuk disleksia dan pelajar perlu belajar mengatasi kaedah pembelajaran. Hal ini menyebabkan, mereka sukar untuk membaca dan menulis perkataan. Mereka sentiasa mempunyai kekeliruan huruf. Walaupun murid disleksia mempunyai tahap IQ yang sama dengan murid normal namun mereka tidak dapat membaca dan menulis dengan jelas dan teliti.

Disleksia merupakan gabungan perkataan dalam Greek iaitu 'dys' memberi maksud 'kesukaran' dan 'lexis' memberi maksud 'bahasa'. Secara ringkasnya, disleksia bermaksud kesukaran dalam berbahasa. Sebagai contohnya, kecelaruan huruf. Kanak-kanak disleksia akan menghadapi masalah membaca dalam kehidupan harian mereka (International Dyslexia Association, 2020). Proses pembelajaran murid disleksia berbeza daripada murid biasa. Menurut International Dyslexia Association, terdapat perbezaan antara kanak-kanak disleksia dengan kanak-kanak normal dari segi struktur otak. Oleh itu, murid disleksia mempunyai perkembangan otak yang kurang dalam aspek bahasa. Begitu juga menurut Persatuan Disleksia Malaysia, disleksia ialah kesukaran mengenal, membaca, menulis, mendengar dan bercakap. Kanak-kanak disleksia bukan dikategorikan dalam golongan orang kurang upaya (OKU), mereka hanya mempunyai masalah dalam pembelajaran. Pembalikan dan penggantian huruf yang dilakukan oleh kanak-kanak disleksia menyebabkan maksud perkataan tersebut telah berubah. Sebagai contohnya, perkataan "taman" menjadi "tamam", iaitu berlaku penggantian huruf "n" kepada "m".

Menurut Subyantoro (2013), menjelaskan bahawa murid disleksia tidak mampu untuk mengenali huruf dan suku kata dalam bentuk tertulis. Oleh itu, murid disleksia mengalami gangguan pembelajaran bahasa seperti mengenali huruf dengan baik. Terdapat 32 kemahiran tulisan untuk murid pemulihan khas. Generasi kini lebih suka membuat aktiviti yang kreatif. Dengan ini, pembelajaran abad ke-21 menyeronokkan aktiviti pembelajaran. Secara langsungnya, meningkatkan taraf sistem pendidikan. Pengkaji menggunakan peluang ini untuk mengenal pasti jenis aktiviti penguasaan bahasa dari aspek tulisan yang dapat menarik minat murid-murid disleksia. Dengan ini, kanakkanak disleksia dapat menguasai aspek tulisan bahasa Melayu dengan keadaan yang menyeronokkan. Tambahan pula, kajian ini memberi maklumat berkaitan masalah dalam kemahiran tulisan dengan lebih jelas. Murid murid disleksia tidak dapat memberi tumpuan yang panjang sekiranya mereka menggunakan buku sahaja (Subramaniam et al., 2024). Oleh itu, mereka memerlukan platform yang bersesuaian untuk menguasai sesuatu bahasa. Dengan ini, mereka juga dapat mengenali huruf dengan teliti.

Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan data. Pendekatan kualitatif membolehkan pengkaji menghuraikan kajian dengan lebih terperinci berdasarkan pemerolehan maklumat daripada guru-guru yang sedang mengajar di pusat disleksia. Tambahan pula, pengkaji telah melakukan ujian tulisan mengikut set aktiviti secara deskriptif. Pengkaji telah menggunakan Teori Levison (1994) dalam kajian ini. Berdasarkan Teori Levinson, terdapat enam kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak disleksia dalam kemahiran tulisan. Antara kesalahannya, pengguguran, pemindahan, penyisipan, penggantian, pembalikan dan agakan. Dengan menggunakan pendekatan ini, pengkaji dapat mengetahui penguasaan bahasa murid disleksia dalam aspek tulisan dan kaedah yang digunakan oleh guru-guru terhadap penguasaan bahasa dan tahap penguasaannya terhadap kanak-kanak disleksia.



Kajian kualitatif merupakan cara kajian yang menekankan perkataan dan teks berbanding dengan penglibatan pengiraan. Kelemahan kajian ini adalah ketiadaan kriteria kualiti data yang dikumpul untuk dinilai (Hammersley 2007). Pengkaji membuat sesi temu bual secara tidak berstruktur dengan guru-guru di pusat disleksia. Pengkaji juga temu bual bersama Puan Sariah Amirin selaku Presiden Persatuan Disleksia TTDI di cawangan Kuala Lumpur. Beliau telah berkongsi pengalamannya mengajar murid-murid disleksia dan mengetahui masalah pembelajaran murid disleksia.

Pengkaji telah menyediakan 4 set ujian tulisan. Set tulisan ujian ini telah disemak oleh pakar disleksia di tempat kajian sebelum digunakan bersama murid-murid disleksia. Murid-murid disleksia perlu menjawab soalan dalam setiap set ujian tulisan. Ujian tulisan ini dilakukan dengan mengedarkan setiap set pra dan pasca. Pengkaji telah memilih 8 orang murid disleksia dari kelas pertengahan untuk menjawab ujian tulisan ini. Menurut Denzin (1978), terdapat empat jenis triangulasi yang dapat digunakan dalam kajian. Contoh triangulasi dalam penyelidikan ialah triangulasi data, triangulasi pengkaji, triangulasi teori dan triangulasi teknik metodologi. Ini lebih dikenali dengan “triangulation”. Secara ringkasnya, triangulasi merupakan sumber data, kepakaran pengkaji, teori, dan teknik metodologi dalam penyelidikan. Oleh itu, triangulasi sangat penting kerana meningkatkan ketepatan dapatan kajian.

Dapatan

Kajian ini telah mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid disleksia khusus dalam kemahiran menulis. Kesalahan kemahiran tulisan bahasa Melayu dapat diperhatikan dalam huruf besar, huruf kecil, suku kata KV dan vokal. Kesalahan dalam kemahiran tulisan ini dapat dilihat apabila murid disleksia mengeja dan menulis sesuatu perkataan dengan menterbalikkan huruf dan suku kata. Pengkaji telah membuat ujian tulisan untuk murid-murid disleksia dari kelas pertengahan mengikut set ujian yang ditetapkan.

I. Masalah huruf-huruf kecil

Pengkaji menjelaskan masalah yang dihadapi dalam kalangan murid disleksia iaitu pengecaman huruf. Pelajar disleksia menghadapi masalah dengan pengecaman huruf. Ini menyebabkan mereka tidak dapat menulis sesuatu perkataan dengan baik. Masalah ini berpunca daripada kekeliruan dalam mengenal pasti huruf, seperti 'm-w', 'b-d', 'y-g', 'n-u', 'j-u' dan 'p-q'. Dapatan kajian, murid-murid disleksia sering membuat pembalikan huruf. Kesilapan menulis huruf-huruf kecil seperti p-q, w-m, b-d dan j-ɾ. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Vijayaletchumy Subramaniam & Kavenia Kunasegaran (2022). Teori Levinson (1993) membahagikan kesalahan bacaan jenis pembalikan kepada dua aspek, iaitu pembalikan huruf dan pembalikan suku kata dalam ayat. Dalam konteks kajian tersebut, hasil dapatan menunjukkan murid disleksia melakukan kesalahan pengguguran dalam kedua-dua aspek iaitu pembalikan huruf dan pembalikan suku kata dalam ayat. Akibat kesukaran pengimbasan oleh mata, huruf-huruf yang kecil sering kali dilangkau, seolah-olah memperlihatkan bahawa huruf-huruf kecil sukar dikenali berbanding huruf yang lebih besar. (Dalam et al., n.d.)

II. Masalah huruf-huruf besar

Murid-murid disleksia tidak dapat menulis huruf-huruf besar mengikut kesesuaian huruf kecil. Hal ini disebabkan oleh, murid disleksia mengalami kekeliruan huruf. Oleh itu, mereka menulis huruf-huruf besar secara tidak teratur. Melalui kajian ini, pengkaji dapat melihat murid-murid disleksia menghadapi kekeliruan huruf besar seperti E, W dan Q. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Vijayaletchumy Subramaniam (2018), individu disleksia cuba menggunakan otak kanan yang berfungsi mengecam pola dan imej untuk tugas mengenal huruf. Ekoran tindakan itu, huruf 'm'



diterbalikkan menjadi 'w', atau 'n' menjadi 'u', atau 'b' menjadi 'p', dan sebagainya. Individu disleksia juga mempunyai korpus kalosum yang lemah.

III. Masalah suku kata KV

Dalam kajian ini, murid disleksia berhadapan dengan masalah dalam kemahiran menulis lebih ketaradarpada kemahiran membaca. Mereka tidak dapat memproses maklumat secara serentak untuk mendapatkan jawapan yang tepat. Tambahan pula, kemahiran menulis dan membaca ini saling berkait rapat. Hal ini, dikatakan demikian kerana, kedua-dua kemahiran ini melibatkan proses input dan output. Berdasarkan kajian ini, murid-murid disleksia mengalami kesukaran untuk menulis dua suku kata yang berlainan bunyi. Oleh itu, murid disleksia menggugurkan suku kata ketika menulis sesuatu perkataan. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengedarkan ujian tulisan suku kata KV. Murid-murid disleksia perlu menulis suku kata yang disebutkan oleh pengkaji. Kebanyakan murid disleksia tidak dapat mengecam bunyi dan tidak kenali suku kata tersebut. Dapatan ini dapat dikaitkan dengan teori Levinson bahawa murid-murid disleksia mempunyai masalah pengguguran perkataan atau huruf. Murid disleksia tidak dapat menulis suku kata KV yang disebut oleh pengkaji pada kertas. Contoh-contoh kesalahan yang dilakukan oleh murid-murid disleksia dalam aspek pengguguran dalam kemahiran suku kata KV.

Jadual 1

Contoh Kesalahan yang Dilakukan oleh Murid Disleksia

Ejaan yang dihendaki	Ejaan murid disleksia
ba	b
ce	c
ho	h
li	l
pu	p

Dalam kajian Ezleena Mustafa Kamal (2020), murid disleksia melakukan kesalahan fonologi terutamanya dalam fonem dan suku kata. Melalui kajian ini, pelajar disleksia tidak boleh mengeja perkataan yang panjang yang terdiri daripada lebih daripada tiga suku kata. Sukar untuk mereka mengeja perkataan itu. Kelemahan ejaan mempengaruhi pembacaan dan penulisan terhadap sesuatu perkataan. Secara langsung, pelajar disleksia tidak dapat berkongsi maklumat dengan orang lain kerana tidak memahami sebutan yang betul. Berdasarkan Murid-murid disleksia menghadapi kesukaran untuk menulis suku kata seperti be, bi, je, ji, pa, pu, po, ha, ho, wa, wo, wi dan we.

IV. Masalah huruf vokal

Pelajar disleksia mempunyai tahap IQ yang sama seperti pelajar biasa tetapi mereka tidak boleh membaca dengan lancar. Kanak-kanak disleksia menghadapi masalah membaca dan menulis setiap hari (Persatuan Disleksia Antarabangsa, 2020). Proses pembelajaran murid disleksia berbeza dengan murid normal. Menurut Persatuan Disleksia Antarabangsa, terdapat perbezaan antara kanak-kanak disleksia dan kanak-kanak normal dari segi struktur otak. Murid-murid disleksia tidak dapat menulis vokal yang bersesuaian berdasarkan gambar yang diberikan. Murid disleksia membunyikan perkataan dengan betul tetapi ejaan yang berbeza. Berikut merupakan contoh kesalahan ejaan dalam vokal yang dihadapi oleh murid-murid disleksia.



Jadual 2
Kesalahan Ejaan dalam Vokal

Betul	Salah
Itik	Etik
Epal	Apal
Ibu	Ebu
Ikan	Ekan
Ubat	Obat

Perbincangan dan Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini telah mencapai objektif kajian yang telah ditentukan iaitu mengenal pasti masalah kemahiran tulisan bahasa Melayu dalam kalangan murid disleksia kelas pertengahan. Dari segi. Dari segi skop kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada penguasaan bahasa kanak-kanak disleksia, khususnya kepada kemahiran menulis. Murid-murid disleksia ini dipilih kerana mereka menghadapi kesukaran untuk menguasai bahasa dalam kemahiran tulisan. Kajian lanjutan dalam bidang disleksia boleh dijalankan untuk orang dewasa yang mempunyai masalah dalam kemahiran bercakap, menulis atau psikomotor.

Pernyataan Etika

Pengkaji telah memohon etika daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penghargaan

Pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada murid-murid disleksia TTDI, guru-guru berpendidikan khas dan Presiden Persatuan Disleksia Malaysia, Sariah Amirin.

Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja ini.

Rujukan

- Dalam, D., Ejaan, A., Bahasa, B., Zaliza, M., Hifzurrahman Ridzuan, A., Malaysia, U., My B Fakulti, P., Moden, B., & Komunikasi, D. (n.d.) http://dspace.unimap.edu.my/bitstream/handle/123456789/34588/SILK%202014_1.pdf?sequence=1&isAllowed=y
- Denzin, N. K. (1978). *The research act: A theoretical introduction to sociological methods* (2nd ed.). New York, NY: McGraw Hill.
- Fakulti, S., Moden, B., & Komunikasi, D. (2008). *Disleksia dalam Konteks Pembelajaran Bahasa di Malaysia*. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, 16(2), 115–139.



- Fakulti, S., Moden, B., & Komunikasi, D. (2008). *Disleksia dalam Konteks Pembelajaran Bahasa di Malaysia*. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, 16(2), 115–139.
- Hammersley, M. (2007). The issue of quality in qualitative research. *International Journal of Research Fakulti, S., Moden, B., & Komunikasi, D. Disleksia dalam konteks Pembelajaran Bahasa di Malaysia*. *Pertanika J. Soc. Sci. Hum*, 16(2), 115-139.
- Hammersley, M. (2007). The issue of quality in qualitative research. *International Journal of Research*
- International Dyslexia Association. (2024). Dyslexia at a glance - *International Dyslexia Association*.
<https://dyslexiaida.org/dyslexia-at-a-glance/>
- International Dyslexia Association. (2020). Dyslexia Basics - *International Dyslexia Association*.
<https://dyslexiaida.org/dyslexia-basics/>
- Journal, P. (n.d.). *Pertanika Journal*. [http://www.pertanika.upm.edu.my/pjssh/browse/special-issue?article=JSSH\(S\)-1255-20](http://www.pertanika.upm.edu.my/pjssh/browse/special-issue?article=JSSH(S)-1255-20)
- Kamal, Mustafa, and Ezleena Kamal. “SOCIAL SCIENCES & HUMANITIES Phonological Errors in English among Dyslexic Learners in Selected Primary Schools in Penang: Phoneme, Syllable and Word Levels.” *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, vol. 28, no. S2, 2020, pp. 157–175.
- Reis, A., Araújo, S., Morais, I. S., & Faísca, L. (2020a). Reading and reading-related skills in adults with dyslexia from different orthographic systems: a review and meta-analysis. *Annals Of Dyslexia*, 70(3), 339–368.
<https://doi.org/10.1007/s11881-020-00205-x>
- Subramaniam, V., & Kunasegran, K. (2022b). Reading Skills in Malay Language Literacy of dyslexic students. *Jurnal Bahasa*, 22(2), 329–346.
[https://doi.org/10.37052/jb22\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/jb22(2)no7)
- Subramaniam, V., Divagaran, M., & Kunasegran, K. (2024, April 27). *Effectiveness of Quizizz in Improving Reading Skills among Dyslexic Students*.
<https://kwpublications.com/papers/detail/IJARBSS/10357/Effectiveness-of-Quizizz-in-Improving-Reading-Skills-among-Dyslexic-Student>.
- What is Dyslexia?* – Persatuan Dyslexia Malaysia. (n.d.). <https://dyslexiamalaysia.org/whatdyslexia/>